



kaunseling Remaja

Prof Madya Datin Dr Sapora Sipon Menjawab

Jika anda menghadapi masalah percintaan, pembelajaran, kewangan, keluarga dan perkara peribadi yang sukar diselesaikan, pakar kaunseling Universiti Sains Islam Malaysia (Usim) sedia membantu. Hantarkan masalah anda lengkap dengan nama dan alamat penuh kepada Ruangan Pengetua Kaunseling Remaja, Harian Metro, Balai Berita, 31, Jalan Riong, 59100 Bangsar, Kuala Lumpur atau e-mel kepada rencana@hmetro.com.my

Gadis takut cinta ditolak

Beranian diri dapat kepastian dengan penuh adab sopan sama ada bersemuka, e-mel atau SMS

SOALAN:

SAYA gadis berusia 22 tahun dan kini sedang melanjutkan pelajaran di salah sebuah universiti di utara tanah air. Saya mempunyai beberapa teman rapat yang dianggap seperti saudara sendiri. Antaranya seorang teman sekuliah bernama A. Kami bersahabat sejak tahun pertama pengajian melalui teman serumah iaitu N.

A boleh dikatakan segar, pintar dan berkarisma hingga menyebabkan ramai gadis meminatinya. Saya dan A sering bersama dan kadangkala tidak sependapat dalam pelbagai perkara, terutama dalam pelajaran serta kerjaya (kerana kami bekerja separuh masa).

Namun, kami mudah bekerjasama dan berinteraksi terutama dalam tugas dan aktiviti persatuan. Saya sering kali mencemburui dalam pelajaran lebih-lebih lagi apabila keputusannya ternyata mengatasi saya.

A pula sering mencemburui saya kerana berpendapat saya adalah seorang yang kuat bekerja, boleh melakukan apa saja kerja dan lebih pintar daripadanya. Di universiti rakan-rakan sekuliah menggelar saya sebagai gadis aktif.

Malah, saya begitu popular di kampus dan tempat kerja hingga ramai lelaki ingin berkenalan padahal saya hanya punya wajah yang biasa. Berbanding teman sekuliah wanita lain yang semuanya cantik dan sentiasa mengikut perkembangan semasa.

Hinggalah pada beberapa bulan lepas, saya menerima lamaran daripada jejaka-jejaka yang ingin menyunting saya sebagai isteri. Saya sangat terkejut kerana ada di antaranya hanya dikenali kira-kira tiga minggu saja.

Kejutan itu membuatkan saya tidak lalu makan, minum dan belajar kerana memikirkannya. Saya belum terfikir untuk berkahwin kerana sebagai anak sulung dalam keluarga saya masih ada

amanah dan tanggungjawab. Apabila saya meluahkan perkara itu pada teman rapat mereka memberi saya nasihat positif kecuali A.

A sering kali mengubah topik perbualan dan dari raut wajahnya dapat saya bayangkan dia tidak menyukai perkara itu dibangkitkan. Malah, dia seperti berjauh hati hingga membuatkan saya terpinga-pinga tidak tahu puncanya.

Bila ditanya, A memberitahu dia tidak apa-apa, padahal saya tahu dia menyembunyikan sesuatu. Syukur pada akhir bulan lalu, Tuhan menjawab istikharah saya dan jawapannya sangat melegakan hati. Lalu, saya tolak semua lamaran itu dengan baik.

Kini saya ingin meluahkan perasaan sebenar pada A kerana saya tidak memandang wajah, penampilan dan kelebihan sebaliknya lebih menyukai kelemahannya. Tapi saya ragu-ragu kerana A sebenarnya sudah ada kekasih yang saya kenali.

Sungguhpun dari luaran saya kelihatan penuh keyakinan dan berani tetapi hakikatnya saya mempunyai perasaan rendah diri yang melampau. Saya selalu beranggapan tidak layak untuk dikasihi kerana wajah tidak menawan, tiada perwatakan lemah lembut dan sedikit kuno terutama daripada aspek pergaulan.

Saya minta bantuan Dr kerana dengan meluahkan perasaan pada A, mungkin baru lega hati saya dan tidak kisah jika perasaan ini ditolak. Saya mahu hati lapang dan lega selepas meluakkannya. Saya kini lebih gemar berserah pada-Nya untuk menentukan jodoh dan hala tuju hidup.

GADIS TERTANYA-TANYA
Kedah.

JAWAPAN

PERASAAN ragu-ragu sama pada A membalas cinta adik boleh dileeraikan dengan sedikit keberanian bertanya dengan penuh adab sopan. Pertanyaan tidak semestinya

dilakukan secara bersemuka. Jika keberanian bertanya hanya senipis kulit bawang, adik boleh lakukan termasuk melalui surat, pesanan ringkas dan e-mel.

Pujangga berkata "kegagalan sebenar adalah kegagalan untuk mencuba" dan "kami menghormati sepenuhnya orang yang berani dan seratus kali lagi kami hormati kalau dia beradab." Adik sendiri mengatakan dengan meluahkan perasaan pada A, mungkin baru lega hati dan betul-betul lapang biar pun perasaan cinta itu ditolak.

Jika A tidak membalas cinta adik, perencanaan lain boleh dilakukan dalam hidup. Apatah lagi, adik mengatakan belum terfikir untuk berkahwin. Sebagai anak sulung, adik masih ada amanah dan tanggungjawab untuk keluarga. Selagi adik tidak pasti perasaan A terhadap adik, selagi itu juga adik tidak dapat menerima cinta lelaki lain dalam hidup. Apa

pun jawapan daripada A, adik boleh jadikan ia sebagai asas dalam merancang hidup dengan lebih jelas dan terarah.

Perasaan rendah diri seperti selalu beranggapan adik tidak layak untuk dikasihi, wajah tidak menawan, perwatakan sedikit kasar dan kuno terutama daripada aspek pergaulan hanya menambahkan konflik diri. Hamka bermadah, "tidak ada satu pun sifat yang diberikan Tuhan kepada kita yang tidak berguna."

Dr amat yakin tentunya banyak ciri nawan adik hingga menerima lamaran beberapa jejaka yang ingin menyunting sebagai isteri.

Cintai dan hargailah diri adik dulu untuk mengurangkan rasa rendah diri. Penting bagi adik untuk percaya tenaga sendiri dan peganglah nasib hidup dengan kedua-dua belah tangan serta ubahlah nasib mengikut kemahuan sendiri. Marusia yang tidak berharap untuk menang sudah sedia kalah.

Cikgu rasa kerdil kerana gaji, jawatan rendah

SOALAN:

SAYA berusia 22 tahun dan mempunyai seorang teman wanita yang baik. Saya kini sedang menuntut di institusi pengajian tinggi awam (IPTA) dan sebaik tamat pengajian saya bakal bergelar guru. Hubungan kami tiada masalah. Kekasih saya seorang penuntut IPTA juga tapi dalam bidang berbeza.

Selepas lama berkenalan kami berdua merasakan sudah tiba masanya mengakhiri perhubungan dengan mengikat tali pertunangan dan kemudiannya berkahwin. Saya memang mencintai kekasih dan ingin menjadikan dia teman sehidup semati saya.

Ibu bapa kami memang mengetahui perhubungan kami dan merestuinnya. Pernah juga kekasih saya bertanya berkenaan perkahwinan. Apabila pertanyaan itu keluar, saya hanya mendoakan diri dan ini membuatkan kekasih saya merajuk. Dr, sebenarnya, saya

menghadapi masalah tidak yakin dapat menjadi suami yang baik. Apabila difikirkan, saya takut tidak dapat menyara kehidupan keluarga dengan gaji yang rendah.

Perasaan rendah diri dan kerdil juga selalu saya rasakan kerana kekasih belajar dalam bidang profesional berbanding saya hanya dalam bidang pendidikan. Saya takut juga nanti, apabila kami sudah berkahwin jawatan kekasih jauh lebih tinggi hingga menjejaskan diri saya.

BAKAL GURU,
Ipoh

JAWAPAN

UNGKAPAN wang tidak sama dengan kuasa dan cinta adalah lebih berharga daripada nilai kuasa dan wang mungkin relevan dengan masalah adik hadapi. Menjadi suami yang baik tidak memerlukan seseorang untuk bergaji besar dan

memilih pekerjaan lain selain daripada guru.

Setiap suami, berhak menjadi terbaik tanpa mengira betapa besar gaji atau jawatan. Dalam melihat isu isteri adik nanti mungkin lebih berpendapat tinggi. Senario ini dinyatakan David Denslow, seorang Profesor di University Florida.

Beliau mengatakan apabila semakin ramai wanita memiliki ijazah daripada lelaki, dijangkakan lebih kira-kira 50% perkahwinan berlaku di mana isteri mempunyai pendapatan lebih tinggi daripada lelaki.

Namun dalam banyak situasi walaupun mempunyai pendapatan lebih tinggi, ramai isteri masih mempunyai keperluan untuk dilindungi dan suami menjadi pelindung.

Tanpa mengira status pendapatan, suami isteri perlu berkongsi tanggungjawab. Kajian banyak menun-

jukkan, apabila suami gagal berkongsi tanggungjawab perkahwinan banyak menemui kegagalan. Isteri merasa penat menanggung beban kewangan, menjaga anak dan melaksanakan kerja rumah. Paling penting bukan jumlah pendapatan yang individu dapat, tetapi bagaimana pendapatan itu diguna dan disimpan.

Pekerjaan guru adalah mulia. Ada ungkapan mengatakan tidak mungkin seorang yang bergelar raja itu tidak berguru dengan seorang guru. Murninya menjadi guru apabila tiada pekerjaan lebih mulia atau berharga kepada negara selain daripada pekerjaan yang dapat membentuk generasi gemilang.

Benar sekali, mempunyai perasaan rendah diri adalah merosakkan. Ia boleh memberi kesan kepada setiap aspek kehidupan. Individu yang merasa rendah diri bo-

leh bertindak balas dengan perasaan marah dan bersifat defensif, membuat diri takut untuk mengatakan perasaan sebenar.

Individu yang sering merasa rendah diri cenderung melakukan perkara yang menyekat kepada pembinaan perasaan disayang dan boleh menyumbang kepada kemurungan yang tinggi.

Kenyataan adik gaji guru adalah rendah perlu disandarkan kepada bukti dan maklumat yang kukuh. Selain itu, perbandingan dengan pekerjaan lain perlu dilakukan dengan mengambil kira kelayakan sama. Berdasarkan maklumat yang Dr cari, profesion perguruan di negara ini sebenarnya antara profesion awam menyediakan gaji permulaan tinggi - Laporan Rancangan Malaysia Kesepuluh (2011-2015).

Bidang pekerjaan yang

adik ceburi adalah bidang pendidikan. Pentingnya bidang pendidikan adalah satu daripada enam Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) dalam menjadikan profesion keguruan pilihan utama.

Dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesepuluh (2011-2015) Kerajaan bakal menjadikan profesion keguruan sebagai kerjaya pilihan dengan menekankan empat perkara berikut iaitu (1) ganjaran kewangan (2) pembangunan kerjaya (3) berprestij dan (4) pembangunan nusa bangsa. Profesion keguruan bertanggungjawab membentuk generasi pemimpin masa depan dan penting dalam membawa negara ke arah berpendapatan tinggi. (<http://www.moe.gov.my>)

Dr tidak merasakan adik mempunyai alasan yang kukuh untuk merasa rendah diri menjadi seorang guru.